

Traditional Belief Rituals and Taboos in the Manora Performance of Arunnoi So Eeb-Uwab Sin at the Songkhla Lake

Ruslan Samae*

Nitasneem Nisen**

Sahidin Nitiphak***

6361102011@pnu.ac.th*, 6361102023@pnu.ac.th** & disisiku@hotmail.com (corresponding author) ***

Abstract

Nora or Manora Rong Khru in Songkhla is a heritage performance art deeply rooted in ritual beliefs, as it involves ceremonies inviting the ancestral spirits of Manora lineage to receive homage. This study addresses the gap in understanding of Manora rituals in contemporary society, where Manora performances are now merely viewed as cultural performances, whereas in reality, they represent a profound spiritual heritage belief deeply embedded in Southern Thai tradition. Therefore, this study examines the rituals and traditional beliefs of the Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin group, with particular emphasis on preserving the authenticity of rituals, rules, and prohibitions that must be observed by their descendants in the current social context. Additionally, these rituals aim to introduce new generations to the art of Manora. The study focuses on the ritual beliefs of Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin in Songkhla Province, including the strict rules and prohibitions upheld by the descendants of the Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin group. This qualitative research collected data through observation and interviews with an expert from the Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin group in Songkhla Province. The findings explain the ritual beliefs of Manora, including matters that constitute rules and prohibitions for the descendants of the Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin group in Songkhla Province. The study identified 10 ceremonial beliefs: beliefs about Khru Mor Nora, beliefs about redemption, beliefs about celebrating Serd and tying the great cloth, beliefs about Taeng Khe, beliefs about healing diseases, beliefs about Yiebsen, beliefs about hair cutting, beliefs about dancing with bracelet insertion, beliefs about Khaosong and Rangsong, and beliefs about black magic.

Keywords: Belief Ritual, Manora Arunnoi So Eeb-Uwab, Songkhla Province, Traditional

Submitted: 19 August 2024

Revised: 25 May 2025

Published: 30 September 2025

* Student at the Malay Language Program, Faculty of Liberal Arts, Princess of Naradhiwas University, Thailand.

** Student at the Malay Language Program, Faculty of Liberal Arts, Princess of Naradhiwas University, Thailand.

*** Lecturer at the Malay Language Program, Faculty of Liberal Arts, Princess of Naradhiwas University, Thailand.



Ritual Kepercayaan Tradisi dan Pantang Larang dalam Persembahan Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin di Tasik Songkhla

Ruslan Samae*

Nitasneem Nisen**

Sahidin Nitiphak***

6361102011@pnu.ac.th*, 6361102023@pnu.ac.th** & disisiku@hotmail.com (penulis koresponden) ***

Abstrak

Nora atau Manora Rong Khru di Songkhla merupakan persembahan seni warisan yang sarat dengan ritual kepercayaan kerana ia adalah upacara menjemput nenek moyang keturunan manora hadir untuk memberi penghormatan kepada roh moyang manora. Kajian ini membincangkan jurang pemahaman terhadap ritual manora dalam masyarakat kontemporari di mana persembahan manora kini dilihat hanya sebagai seni persembahan budaya semata-mata, sedangkan hakikatnya ia merupakan warisan kepercayaan spiritual yang mendalam dalam tradisi masyarakat Thailand Selatan. Justeru, kajian ini meneliti ritual dan kepercayaan tradisional Kumpulan Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin dengan memberi tumpuan khusus kepada aspek pemeliharaan keaslian ritual, peraturan, dan larangan yang perlu dipatuhi oleh keturunannya dalam konteks sosial semasa. Selain itu, ritual ini juga bertujuan untuk memperkenalkan generasi baharu yang bakal melangkau ke seni manora. Kajian ini berfokus kepada ritual kepercayaan Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin di Wilayah Songkhla. Di samping itu, terdapat peraturan dan larangan yang dipegang teguh bagi keturunan kumpulan Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang mana pengumpulan datanya dijalankan dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual dengan seorang pakar dalam kumpulan Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin di Wilayah Songkhla. Hasil kajian ini menjelaskan ritual kepercayaan manora termasuk perkara-perkara yang menjadi peraturan dan larangan bagi keturunan kumpulan Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin di Wilayah Songkhla. Kajian mendapati bahawa terdapat 10 upacara kepercayaannya, iaitu kepercayaan tentang Khru Mor Nora, kepercayaan untuk menebus kesalahan, kepercayaan tentang meraikan Serd dan mengikat kain besar, kepercayaan tentang Taeng Khe, kepercayaan tentang penyembuhan penyakit, kepercayaan tentang Yiebsen, kepercayaan dalam memotong rambut, kepercayaan tentang menari dengan sisipan gelang, kepercayaan tentang Khaosong dan Rangsong dan kepercayaan tentang ilmu hitam.

Kata Kunci: Manora Arunnoi So Eeb-Uwab, Ritual Kepercayaan, Tradisi, Wilayah Songkhla

Dihantar: 19 Ogos 2024

Disemak: 25 Mei 2025

Diterbit: 30 September 2025

* Pelajar di Program Bahasa Melayu, Faculty Sastera Liberal, Princess of Naradhiwas University, Thailand.

** Pelajar di Program Bahasa Melayu, Faculty Sastera Liberal, Princess of Naradhiwas University, Thailand

*** Pensyarah di Program Bahasa Melayu, Faculty Sastera Liberal, Princess of Naradhiwas University, Thailand



1.0 Pendahuluan

Manora adalah seni tradisional dari selatan Thailand yang telah wujud sejak ratusan tahun yang lalu. Ia ditakrifkan sebagai kesenian suku kaum yang menjadi sebahagian daripada kebudayaan kebangsaan dan muncul pada zaman Ayutthaya (Nikhonrat & Thongkum, 2021) mereka membawa kisah Phra Suthon-Manora yang dipersembahkan dalam drama Chatri, sehingga dinamakan manora. Asal-usul tarian manora dipercayai dipengaruhi oleh tarian India kuno sebelum zaman Srivijaya yang dibawa oleh pedagang India. Hal ini dapat dilihat daripada alat muzik seperti Benjasangkeet yang terdiri daripada kepala, simbal kecil, gendang, dan paip, yang merupakan alat muzik manora. Gerak tari Nora juga banyak menyerupai pose tarian India. Tarian manora dikatakan mula menjadi ciri rasmi sekitar tahun 1820 Masihi, yang sepadan dengan zaman awal Sukhothai (Pawarisilp, 2023).

Menurut Wongsiri (2020) terdapat legenda bahawa manora pertama kali muncul di Mukim Bang Kaeo, Wilayah Phatthalung, sebelum menyebar ke kota-kota lain di Selatan Thailand hingga ke wilayah-wilayah tengah, yang mana ia berkembang menjadi drama tarian Chatri dan Talung (wayang kulit) yang dipengaruhi budaya masa itu. Dalam catatan sejarah, semasa pemerintahan Phatthalung oleh Chao Phaya Sai Fa Fard, permaisurinya, Srimala, yang sangat berbakat dalam tarian, mengalami peristiwa penting. Puan Srimala diarahkan untuk diapungkan di atas sebuah rakit di perairan Tasik Songkhla dan akhirnya terdampar di sebuah pulau besar. Di pulau tersebut, Puan Srimala melahirkan seorang anak lelaki bernama Thep Singhara, yang bermaksud "anak bidadari". Puan Srimala membesarkan dan melatih Thep Singhara dalam seni tari. Keahliannya dalam tarian menjadi sangat terkenal di Koh Yai, sehingga namanya tersebar luas dan dikenali oleh orang ramai. Chao Phaya Sai Fa Fard, tanpa menyedari bahawa cucunya sendiri telah diundang untuk menari di istana diraja, kagum dengan keindahan tarian tersebut. Beliau memberikan pakaian dirajanya kepada Thep Singhara, sambil berkata, "Pakaian diraja ini diberikan kepada Nora sebagai pakaian rasmi mulai sekarang." Thep Singhara kemudian mengungkapkan bahawa dirinya sebenarnya adalah cucu kepada Chao Phaya Sai Fa Fard. Dengan pengakuan ini, Chao Phaya Sai Fa Fard menerima Nora masuk ke dalam istana diraja dan memberi penghormatan yang tinggi

Manora merupakan seni persembahan yang sangat sinonim dengan pemujaan dan mempunyai fungsi ritual. Mengikut kepercayaan masyarakat Siam, sekiranya pemujaan roh tidak dilakukan, individu yang terlibat akan mudah mendapat penyakit. Maka seni persembahan manora tidak lari dengan pemujaan yang dikaitkan dengan upacara ritual dalam bentuk tarian dan pemujaan semangat dan roh. Upacara pemujaan mempengaruhi kehidupan masyarakat bagi memenuhi pelbagai tujuan (Muhammad dan Isa, 2016). Manora merupakan salah satu daripada warisan budaya yang keunikan tersendiri, baik dari aspek pakaian mahupun tarian yang memiliki identiti yang jelas. Manora berfungsi sebagai alat untuk pemeliharaan warisan budaya terdahulu yang telah menjadikannya komponen penting dalam lanskap seni persembahan tempatan. Menurut Pawarisilp (2023) Para cendekiawan telah menyoroti interaksi antara ritual manora dan ekspresinya. Manora telah memainkan peranan penting dalam manifestasi nasionalisme budaya dengan amalan sosio-budaya tradisional. Terdapat beberapa jenis manora. Antaranya ialah manora yang disebut 'Nora Banterng' mempunyai tujuan untuk menghibur penonton melalui tarian, nyanyian, dan lakonan. Selain itu, terdapat juga



manora yang dianggap sebagai asas seni ini, iaitu 'Nora Ritual' atau 'Nora Rong Khru.' Manora ritual atau Nora Rong Khru merupakan sebuah upacara yang amat penting bagi keturunan kaum manora. Upacara ini berfungsi untuk menjemput roh nenek moyang manora hadir dalam majlis warisan mereka, sekaligus memberikan penghormatan ke mereka. Selain itu, ia juga merupakan tempoh penting bagi tokoh generasi Manora baharu yang akan melangkah ke dalam dunia manora sepenuhnya. Ritual ini telah tertanam dalam kehidupan, kepercayaan, dan ingatan masyarakat.

Pada zaman dahulu, kemajuan teknologi adalah sangat terbatas. Akibat berpaksi pada prinsip asasi daripada alam semula jadi yang diilhamkan oleh kuasa malaikat, tuhan, jin, syaitan sehingga roh nenek moyang, manusia berusaha untuk mencari kaedah yang dapat menghasilkan kesan positif kepada masyarakat dan keluarga. Oleh itu, pelbagai kepercayaan muncul untuk menangani masalah individu supaya menuju kebahagiaan abadi. Bagi menghadapi kuasa ghaib, ritual manora telah diamalkan dan timbul keyakinan dalam masyarakat terhadap perkara yang tidak dapat dilihat. Mereka membuat ikrar akan setia kepada roh nenek moyang. Ia berfungsi sebagai sauh pengetahuan tentang pemikiran nenek moyang yang telah diwarisi kepada anak cucu. Walaupun kini terdapat arus kemajuan teknologi dalam pelbagai bidang, cara hidup kumpulan manora masih dapat dilihat melalui ritual Nora Rong Khru. Persembahan manora ini kekal diteruskan, dipelihara, dan diwariskan oleh keturunan manora itu sendiri.

Dewasa ini, orang Thai dan orang asing memahami bahawa manora hanyalah seni persembahan budaya. Walaupun manora pada asalnya merupakan ritual kepercayaan yang berakar umbi dalam tradisi spiritual masyarakat Thailand Selatan, kini ia berhadapan dengan cabaran untuk kekal relevan dalam era kemodenan. Pengkaji melihat bahawa terdapat jurang pemahaman di mana masyarakat moden hanya menganggap Manora sebagai persembahan budaya semata-mata, sedangkan ia sebenarnya merupakan warisan kepercayaan yang lebih mendalam. Pada hakikatnya, manora adalah pewarisan kepercayaan orang dahulu kepada generasi baru. Ritual kepercayaan manora merupakan satu entiti yang bernyawa dalam masyarakat selatan Thailand untuk memastikan kelangsungan seni warisan dalam konteks sosial semasa. Pengkaji teruja dengan cerita manora dan ingin mengetahui ritual dan memelihara keaslian ritual dan kepercayaan tradisional dengan perubahan zaman, khususnya Kumpulan Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin di Wilayah Songkhla, serta memahami peraturan dan larangan bagi keturunannya.

2.0 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ritual kepercayaan Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin di Wilayah Songkhla.

3.0 Sorotan Literatur

Berdasarkan dari kajian lepas yang digunakan adalah berfokus kepada tinjauan literatur secara sistematik. Kajian ini menekankan kepentingan penelitian terhadap peraturan dan pantang-larang manora melalui pengumpulan serta analisis kajian-kajian terdahulu. Dari segi skop analisis, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada unsur-unsur manora dengan merangkumi pelbagai dimensi penyelidikan terdahulu, sekaligus menggabungkan perspektif tradisional dan moden dalam pemahaman warisan budaya ini. Dari sudut asas pendekatan, kajian ini berlandaskan pemeliharaan warisan budaya.



Menurut Kruglikova (2020) menjelaskan bahawa pengurusan dan pemeliharaan warisan budaya terbahagi kepada konvensional (klasik) yang telah wujud sejak sekian lamanya dan moden yang menggunakan teknologi maklumat dan berkembang seiring dengan kemunculan serta penggunaan komputer dalam bidang kebudayaan. Hal ini demikian kerana, dengan kaedah berkomunikasi dalam pengurusan warisan budaya dapat menyatukan manusia dan dunia, menarik minat mereka yang berminat dengan sejarah peristiwa dan budaya pelbagai negara dengan nilai-nilai yang kekal sepanjang zaman.

Di samping itu, kajian lepas yang dirujuk ialah Puangsang (2018) yang menyatakan kewujudan manora adalah disebabkan oleh kepercayaan dan keimanan, dengan Kuil Tha Khae sebagai lokasi utama untuk upacara ritual dengan peserta majlis, alat ibadah, pakaian, alat muzik, tempat, masa, dan makna upacara. Manora mempunyai pengganti hingga generasi ketiga yang bertindak sebagai tuan upacara. Kewujudan manora dijaga dengan ketat melalui peranan tuan ritual sehingga hari ini. Kajian ini termasuk kewajipan mewarisi ritual kepercayaan, identiti, kestabilan mental, hiburan, dan peranan pewarisan serta mengisahkan kewujudan manora.

Inyarat dan Ponphichai (2021) telah mengkaji bentuk tarian manora. Dapatnya mendidik generasi baharu tentang tingkah laku yang betul dalam konteks tradisi manora. Kajian juga meneliti kepercayaan yang mengakibatkan berlaku perkara negatif yang dapat menimpa keturunan mereka. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan manora dalam memelihara identiti budaya dan sosial masyarakat selatan Thailand.

Menurut Kosaiyakanont & Soontorntanaphol (2016) tarian untuk guru merupakan komponen penting yang dilaksanakan selepas majlis utama. Ia terdiri daripada tiga bentuk utama, iaitu tarian dengan skrip 12 perkataan, dua 12 tarian mengikut alunan muzik dan 12 cerita atau rangkap yang dipersembahkan sebagai drama pendek bersiri. Ciri-ciri tarian ini terdiri daripada beberapa bentuk. Antaranya ialah tarian, nyanyian puisi, dan tarian Nora Yai yang merangkumi tarian duduk dan berdiri. Kajian ini mendapati bahawa tarian untuk Khru Mor dianggap sebagai warisan budaya yang menggabungkan prinsip Dhamma yang bermaksud mencerminkan nilai-nilai kesyukuran, konsep ketidakkekalan, penghargaan terhadap alam dan panduan untuk kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Ritual ini memainkan peranan penting dalam memelihara semangat dan identiti masyarakat tempatan serta memperkukuh ikatan sosial melalui kepercayaan dan amalan bersama.

Chaowalitprapan (2015) telah menjalankan kajian mengenai manora dalam kalangan masyarakat Siam di Ban Plai Ramai, Pen Dang. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor dan peranan penggantian dalam tradisi manora. Terdapat beberapa faktor utama yang menyumbang kepada pewarisan tradisi Nora, iaitu kewujudan pengganti untuk meneruskan peranan manora, kepercayaan kewujudan terhadap Khru Mor Nora, penganjuran Nora Rong Khru secara berterusan dengan peningkatan penyertaan dan kesediaan masyarakat Plai Ramai dari segi ekonomi. Kajian ini menyimpulkan bahawa Nora di Ban Plai Ramai memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti Siam. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga bertindak sebagai pertalian yang memperkukuh dalam komuniti serta memelihara warisan budaya diaspora.

Menurut Marknuan (2014) di Ban Nong Khao terdapat 12 jenis pengamal perubatan mengikut perspektif penduduk tempatan, 22 pengamal perubatan rakyat, dan 20 teks



sihir yang telah ditemui. Komponen-komponen ritual dan teks sihir ini mendedahkan sistem perhubungan komunal dan kepercayaan dalam agama Buddha. Mereka juga mempunyai tiga peranan penting, iaitu menggalakkan kestabilan mental, mendorong interaksi antara ahli komuniti, dan mengadakan kepercayaan terhadap penyembuhan tempatan. Kesimpulannya, upacara penyembuhan oleh pengamal perubatan rakyat dalam masyarakat ini masih wujud walaupun perubatan moden semakin berkembang dalam masyarakat.

Daripada kajian lepas didapati kurangnya kajian yang menjurus kepada elemen ritual kepercayaan serta pantang larang termasuklah di kawasan kajian. Hal ini, telah menjadi implementasi untuk menghasilkan sebuah kajian yang berlainan dengan sebelum ini.

4.0 Metodologi Kajian

Bagi tujuan ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian etnografi dan huraian deskriptif (Creswell, 1998; Denzin dan Lincoln, 1994) dengan menerapkan pendekatan kajian kualitatif. Pendekatan kualitatif ini menggunakan dua kaedah, iaitu kerja lapangan dan kaedah kepustakaan. Pada peringkat awal kajian, pengkaji mengutip bahan penting daripada kajian-kajian yang lepas seperti jurnal, kertas ilmiah, buku-buku dan seumpamanya untuk menghasilkan skop kajian yang hendak dilakukan. Dalam pada itu, proses kaedah kepustakaan yang dilakukan ke atas bahan-bahan yang dikumpulkan akan disaring menggunakan teknik analisis kandungan teks. Di samping itu, beberapa buah buku rujukan turut sampingan digunakan supaya benar-benar memperolehi bahan-bahan yang diperlukan untuk kajian ini dan menjadi sandaran pendekatan.

Kaedah kajian lapangan adalah amat penting untuk memperolehi maklumat yang diperlukan dan dua kaedah akan digunakan kerana difikirkan sesuai dengan kajian yang dijalankan, iaitu menerusi pemerhatian dan temu bual. Kajian lapangan telah dilakukan ke atas Kumpulan Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin, Wilayah Songkhla yang mana informan utama dalam kajian ini ialah Tanakorn Detkaew, 24 tahun. Tokoh muda ini agak terkenal kerana banyak membuat persembahan dan aktif mengadakan persembahan manora di merata tempat sama ada di peringkat kampung atau peringkat negeri. Kaedah temu bual dilakukan untuk memperolehi maklumat yang sahih dan betul. Hasil temu bual yang dijalankan mendapati bahawa Tanakorn telah berkecimpung dengan persembahan manora sejak kecil lagi. Alat sokongan seperti alat perakam suara, video dan buku catatan turut digunakan oleh pengkaji bagi segala perbualan yang dilakukan oleh pengkaji bersama responden.

5.0 Dapatan dan Perbincangan

Manora merupakan teater tari tradisional rakyat yang terdapat di Malaysia dan Thailand. Menurut Mat Hassan & Mohd Yusoff (2018) terdapat pelbagai keunikan dalam manora secara umumnya, tetapi satu aspek yang ketara ialah penganjuran yang disampaikan dalam persembahan. Pelbagai kepercayaan manora masih dapat dilihat melalui ritual Nora Rong Khru, sebuah persembahan Manora yang masih dipelihara dan diwariskan oleh keturunan manora supaya kepercayaan sebegini dapat mempengaruhi semangat generasi baru.

Persembahan Nora Rong Khru selalunya dipersembahkan dengan mempunyai tujuan utama, iaitu memberi penghormatan kepada guru atau roh nenek moyang manora sebagai tanda kesyukuran. Selain itu, melafazkan ikrar atau melaksanakan upacara-



upacara lain seperti memijak Sen, memotong mahkota, memotong rambut Phi Chor atau mengikat kain. Semua ini adalah sebahagian daripada upacara Krop Serd atau dikenali majlis berpakaian topeng. Upacara-upacara ini melambangkan penghormatan dan penyatuan dalam budaya Nora. Malahan, setiap upacara Nora Rong Khru mempunyai tujuan berlainan. Sebagai contoh, Nora Rong Khru di Wat Tha Khae, Mukim Tha Khae, Daerah Mueang Phatthalung, Wilayah Phatthalung, diadakan untuk mengumpulkan semua tokoh manora. Penduduk kampung percaya bahawa Ban Tha Khae adalah tempat kelahiran manora dan merupakan kediaman Khru Mor Nora. Kumpulan sampel terdiri daripada individu yang mempunyai pewaris tradisi ini dan pelaksana upacara ritual. Kaedah persampelan berbentuk bertujuan dan data dikumpul menggunakan instrumen pemerhatian dan temu bual mendalam. Hasil kajian mendapati bahawa kepercayaan tentang ritual Khru Mor Nora dan Nora Rong Khru terbahagi kepada dua jenis, iaitu kepercayaan umum dan kepercayaan tentang ilmu hitam. Dalam ritual, kepercayaan terbahagi pula kepada enam upacara, iaitu ritual menutup majlis atau mengikat kain besar, ritual mengikat kain dan melepaskannya, ritual menari dan memasukkan gelang, ritual merawat penyakit dalam badan, ritual menggunakan medium untuk berkomunikasi antara orang dengan roh nenek moyang yang telah meninggal dunia dan terakhir, iaitu ritual bernazar.

5.1 Unsur-unsur Ritual Kepercayaan Dalam Manora

Khru Mor Nora ialah guru manora dan nenek moyang manora yang telah meninggal dunia. Sesetengah kawasan memanggilnya Nenek Nora, Phra Thep Singhon, Khun Sri Sattha, Phra Muang Thong, Mae Sri Mala, Mae Nuan Thong Samli, dan lain-lain lagi. Kepercayaan ini adalah asas kepada budaya manora, yang mereka mempercayai bahawa guru atau datuk nenek mereka masih berpegang teguh kepada pertalian keturunan mereka. Manora dipercayai dengan konsep jika keturunan mereka mengabaikan atau tidak menyembah nenek moyang, mereka akan menerima hukuman dalam pelbagai bentuk seperti penyakit kritikal yang dipanggil "Kru Mor Yang" atau "Atuk Yai Yang." Bagi menzahirkan keadaan ini, mereka perlu bernazar. Selain itu, Khru Mor Nora atau nenek moyang mereka juga dipercayai boleh membantu dalam beberapa aktiviti kehidupan. Bantuan ini juga boleh diperoleh melalui nazar atau pengorbanan. Dari kepercayaan inilah lahirnya upacara Nora Rong Khru. Dalam majlis tersebut, Khru Mor Nora dijemput untuk menerima istiadat diraja yang melibatkan pengorbanan dan persembahan tarian. Upacara ini penting untuk mengekalkan hubungan rohani dan budaya antara Nora dengan nenek moyang mereka.

Unsur kedua ialah kepercayaan untuk menebus kesalahan. Penduduk kampung dan kumpulan manora percaya dengan berikrar dan membuat persembahan kepada Khru Mor Nora akan memberikan bantuan sesuai dengan keinginan peminta atau mengelak dari penderitaan seperti mendapatkan pekerjaan, mendapat pangkat dalam masyarakat, melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi serta memperolehi harta yang melimpah. Jika lalai atau tidak mematuhi janji mereka akan dihukum oleh Khru Mor Nora dengan pelbagai jenis penyakit.

Ketiga, kepercayaan tentang meraikan Serd dan mengikat kain besar. Kumpulan Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin percaya bahawa individu yang ingin menjadi pemain manora yang lengkap dan berstatus tinggi, seperti Nora Yai atau guru Nora Rong, perlu melalui upacara mengikat kain besar terlebih dahulu.



Kepercayaan ini menekankan pentingnya ikatan kain sebagai simbol penerimaan dan pemisahan dalam budaya manora. Berdasarkan peraturan ahli kumpulan manora mereka percaya bahawa seseorang yang ingin berhenti menari perlu melaksanakan upacara mengikat kain dalam majlis Nora Rong Khru. Upacara ini dijalankan oleh Nora Yai yang bertujuan untuk memastikan individu tersebut bebas dari hukuman oleh guru Nora atau roh nenek moyang Nora. Oleh itu, upacara mengikat kain besar dalam majlis Nora Rong Khru adalah penting bagi mereka yang ingin memutuskan ikatan dengan keturunan manora dan menghentikan aktiviti menari manora tanpa menghadapi sebarang hukuman rohani.

Seterusnya, kepercayaan tentang Taeng Khe. Ia dianggap sebagai wakil sesuatu yang buruk, melibatkan penciptaan replika buaya untuk dipamerkan di halaman kandang manora. Masyarakat akan membuat merit dengan memasukkan wang dan barang ke dalam mulut buaya tersebut kerana mereka mempercayai bahawa tindakan ini akan mengelakkan musibah. Ketika buaya replika ini 'mati' dan terapung di dalam air, dipercayai bahawa setiap musibah akan menghilang hal berikutnya dan seterusnya menjauhkan perkara-perkara buruk dalam masyarakat.

Unsur kelima ialah kepercayaan tentang menyembuhkan penyakit. Penduduk kampung dan kumpulan manora percaya bahawa upacara Nora Rong Khru mampu menyembuhkan penyakit yang berpunca daripada keuzuran badan dan penyebab penyakit. Penyembuhan ini dilakukan melalui nazar, perubatan atau jampi sihir yang dijalankan oleh Khru Mor Nora.

Selain itu, terdapat upacara lain yang turut dilakukan, iaitu kepercayaan tentang Yieb Sene, iaitu sejenis ubat ghaib yang dipercayai oleh masyarakat selatan sejak sekian lama. Ia membantu menyelesaikan masalah fizikal dan mental. Sene adalah simptom kulit yang tidak normal, penampilannya seperti plat serupa dengan tanda lahir tetapi tidak menyebabkan bahaya kepada kehidupan. Namun, jika ia berlaku pada kanak-kanak, Sene akan membesar seiring usia dan akan kelihatan tidak menarik untuk dipandang. Sene dinamakan mengikut warna yang muncul contohnya, Sene berwarna merah dipanggil Sene Daeng, manakala yang berwarna hitam dipanggil Sene Dam.

Kemudian, kepercayaan bahawa rambut yang dihimpun secara bergumpal atau diikat bersama sejak lahir adalah tanda bahawa Khru atau roh datuk nenek manora inginkan waris daripada keturunan mereka menjadi manora atau pewaris. Khru Mor Nora mengikat rambut sebagai tanda kecuali Nora Yai sahaja boleh memotong rambut dalam upacara Nora Rong Khru kerana ahli kumpulan manora percaya bahawa rambut yang dipotong ini akan menjadi hadiah ajaib untuk pemiliknya dan rambut yang tumbuh semula tidak akan bergumpal lagi.

Kepercayaan seterusnya ialah kepercayaan bahawa mereka yang ingin menerima pengiktirafan sebagai manora daripada Khru Mor Nora harus melalui upacara tarian yang dikenali sebagai "Cham Pha." Bagi mereka yang ingin memberi komitmen untuk menjadi murid manora, sama ada pernah berlatih tarian manora sebelum ini atau tidak, upacara memasukkan gelang atau benang perlu dilakukan agar Khru menerimanya sebagai anak murid.



Kepercayaan lain ialah kepercayaan bahawa arwah nenek moyang dan Kru Mor Nora yang boleh berhubung dengan anak cucu melalui persembahan manora terutamanya Nora Yai, roh dikatakan akan merasuk ke dalam tubuh Khru Mor Nora tersebut.

Akhir sekali ialah kepercayaan tentang khurafat dan ilmu hitam yang berkaitan dengan kepercayaan karut seperti jampi, sihir dan perlindungan dari anasir ilmu hitam. Masyarakat mempercayai tuhan dan benda-benda suci berkuasa misteri dalam Nora Yai semasa melaksanakan upacara Nora Rong Khru.



Rajah 1: Persembahan Manora So Eeb-Uwab Sin
Sumber: Kumpulan Manora So Eeb-Uwab Sin (2024)

Selain itu, majlis penghantaran guru merupakan majlis terakhir dalam upacara Nora Rong Khru, yang mana roh nenek moyang dan semua roh dihantar kembali ke tempat asal mereka. Tuan rumah akan mengumpulkan semua makanan korban, pakaian, dan peralatan dari atas palai (kecuali kain penukar) dan meletakkannya di lantai panggung. Menurut Puangsang (2018) terdapat peraturan yang telah menjadi dasar hidup masyarakat di selatan sejak lahir hingga meninggal. Ini kerana jika anak dan ahli waris tidak berkelakuan baik, mereka akan terjejas oleh penyakit fizikal dan mental yang tidak diketahui puncanya. Oleh itu, mendidik anak-anak mengenai amalan yang betul adalah penting.

Seterusnya, dalam majlis tersebut, tuan rumah akan menghantar pesanan kepada guru dengan rasa sedih dan memakai kabung, menunjukkan keengganan untuk membiarkan Khru pergi. Jika penganjur upacara cukup mahir, peranan penghantaran guru ini akan mengharukan dan membuat peserta sayu. Selepas itu, Encik Rong Nora akan menjalankan upacara menghantar dewa dengan mengambil sebatang rotan, ranting, dan pisau untuk mengarahkan dewa kembali ke tempat asal. Kemudian ketua Nora Rong Khru akan mengambil cincin dan beras dari guni, melantunkan mantera, dan menyebarkannya ke setiap arah



sebagai upacara eksorsisme. Setelah selesai, semua hadirin meninggalkan majlis. Encik Rong Nora akan naik ke tempat kedudukan kemudian memotong siling kain dan membuka hati dari tiga panel untuk menghantar pelbagai roh kembali ke dunia. Dengan menggunakan pisau Khru, tali suci akan dipotong dan menutup setiap penjuru tiang panggung persembahan manora. Setelah tiang disediakan, mereka akan mengambil batang rotan, Phra Khan, dan pisau Khru untuk melukis salib sebagai simbol penamatan Rong Khru. Setelah itu, Encik Rong Nora akan memotong rambutnya dan menyerahkannya kepada tuan rumah. Ayat mantera diucapkan sambil menatang pinang dan bunga dalam dulang pemotong yang telah disediakan. Menurut Anuwat (2023) terdapat tarian pemujaan tradisional Thai yang dipersembahkan hanya selepas upacara pertabalan. Ciri-ciri yang paling ketara ialah percampuran tarian dan syair semasa didendangkan. Seni koreografi terdiri daripada tiga ciri utama iaitu tarian dibahagikan kepada 12 pelajaran, 12 lagu, dan 12 bab. Bahagian pertama, 12 pelajaran bermaksud tarian menggunakan bahasa isyarat untuk menyampaikan maksud, manakala bahagian kedua, 12 lagu bermaksud menari bersama melodi tanpa vokal, dan akhirnya bahagian ketiga, 12 bab bermaksud lakonan yang ada 12 siri. Watak utama dibahagi kepada dua peranan iaitu 2 orang sebagai penghibur dan 1 orang sebagai pelawak. Tarian pujian tradisional Thai Khru Nora ini dianggap sebagai warisan budaya negara yang mendidik akhlak dan etika seperti kesyukuran, ketidakkekalan, keinsafan nilai alam semula jadi, dan kehidupan dalam keluarga serta bermasyarakat. Segala proses ritual ini dilalui demi kepercayaan. Ini adalah jiwa raga penduduk selatan Thailand yang harus dilindungi, dipelihara, dan diwariskan.

5.2 Peraturan Dan Larangan Bagi Keturunan Manora

Terdapat beberapa peraturan dan larangan yang perlu diikuti keturunan manora iaitu pertama, keturunan manora mesti mengadakan upacara pemujaan roh nenek moyang setahun sekali atau melakukan tiga tahun sekali. Anak cucu perlu menunaikan janji ini; jika tidak, kaum keluarga mungkin musibah sekali gus keturunan akan sakit demam yang payah untuk sembuh. Dalam majlis pula, hidangan kepala babi dan pencuci mulut turut disediakan. Akan tetapi jika terdapat anak yang beragama Islam, kepala babi tidak akan disediakan.

Kedua, orang yang mempunyai keturunan manora dilarang memakan makanan yang dipersembahkan kepada dewa namun makanan yang ditawarkan boleh dimakan. Ketiga, pemain manora yang berumur bawah 21 tahun dilarang melakukan hubungan seks atau melancap. Jika melakukan perbuatan ini, upacara kelahiran semula mesti dilakukan di dalam air dengan kehadiran ibu bapa dan tokoh manora. Mereka semua perlu menyelam di bawah air sehingga bacaan ayat selesai. Semua pakaian mesti ditanggalkan semasa upacara ini.

Keempat, Serd dianggap sebagai barang suci dan tidak boleh diletakkan di tempat yang rendah atau dipakai main-main sahaja. Kalung manora pula mesti dihormati setiap kali dipakai. Kelima, upacara Nora sepatutnya dijalankan pada hari Rabu dan hari Jumaat. Ia tidak sesuai dilakukan pada hari-hari perayaan atau perhimpunan Buddha kerana roh nenek moyang pergi bersembahyang di kuil pada hari-hari tersebut. Seterusnya, Nora Yai mesti memainkan kesemua 12 lagu untuk meningkatkan peluang bahawa datuk dan nenek pemilik rumah akan



datang mengalunkan lagu-lagu tersebut.

Ketujuh ialah kaedah yang ditentukan dalam bernazar yang mana mereka perlu mencari barang-barang ramuan seperti 9 helai daun sirih, 9 tangkai bunga, 9 batang padi, 9 kemenyan, 1 batang lilin dan 1 wang syiling diraja. Pada zaman dahulu, kesediaan bernazar harus tidak kurang daripada 3 baht, 1 botol arak putih, dan 1 bungkus rokok. Namun begitu, bagi sesetengah kawasan mereka masih mempunyai variasi hal ini. Peraturan atau pantang larang terakhir ialah berpakaian dan sebelum memakai Sabsuang, penghormatan mesti diberikan kepada Khru dan perkara-perkara suci.

Kewajipan bernazar merupakan hak tuan rumah yang akan membawa satu set Phan Rad untuk menebus barang milik manora. Encik Rong Nora akan melantunkan mantera agar semua perkara tidak diganggu oleh Khru atau roh datuk nenek lagi. Sebelum pulang, Encik Rong Nora akan mengambil semua makanan palai, meletakkannya di atas dulang atau daun pisang, dan menyediakannya sebagai benda persembahan yang membawa maksud sedekah kepada arwah dan pengikut Khru serta datuk nenek manora. Setelah semua ibadah selesai, tuan rumah akan menyediakan hidangan terakhir untuk kumpulan manora.

Rasionalnya, kajian ini memperkaya pemahaman tentang manora sebagai warisan budaya dengan kajian-kajian terdahulu. Seperti mana menelusuri kajian Mat Hassan dan Mohd Yusoff (2018) yang memfokuskan kepada aspek persembahan. Kajian Puangsang (2018) yang mengkaji peranan ritual dalam kehidupan masyarakat selatan di mana pengkaji mendedahkan dimensi baharu tentang bagaimana manora beradaptasi dalam konteks kontemporari terutama dalam kalangan komuniti di Kelantan dan Thailand Selatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun manora menghadapi cabaran dari segi pengkalan tradisi. Ritual dan kepercayaan asasnya masih kekal relevan khasnya dalam upacara Nora Rong Khru yang merangkumi aspek spiritual, sosial dan budaya. Kajian ini juga mendapati, selaras dengan penemuan Anuwat (2023), bahawa manora bukan sekadar persembahan hiburan tetapi merupakan medium penting dalam pemeliharaan nilai-nilai tradisional dan keterkaitan sosial masyarakat. Aspek peraturan dan pantang larang yang diwarisi terus memainkan peranan penting dalam membentuk identiti dan kelangsungan warisan budaya ini.

6.0 Kesimpulan

Manora Arunnoi So Eeb-Uwab Sin masih dipersembahkan dalam kedua-dua bentuk, iaitu sebagai hiburan dan tarian ritual. Selain kostum dan gerak tari yang unik, manora di sini juga bertindak sebagai "media" yang menyebarkan maklumat dan berita kepada khalayak secara menyeluruh. Oleh itu, manora upacaranya bercampur dengan brahmanisme dan kepercayaan kepada ilmu hitam atau animisme. Di samping itu, ia pula dipercayai sebagai seni persembahan yang mengekalkan populariti dikalangan masyarakat Songkhla di tengah-tengah arus perubahan dunia. Ritual kepercayaan manora dikatakan berkait rapat dengan cara kehidupan. Nora Rong Khru merupakan upacara keagamaan yang berasaskan kepada kepercayaan Buddha pada peringkat awal. Upacara Nora Rong Khru adalah satu proses rumit yang memerlukan tuan rumah



menjaga ketelitian tingkah laku yang sopan sepanjang majlis diadakan. Ini dikatakan sebagai tanda yang menunjukkan kepentingan agar tuan rumah tidak tersalah langkah memahami hakikat nenek moyang yang diwarisi dari turun-temurun. Manora adalah hasil seni persembahan yang diperoleh sejak warisan, dan pengikut tetap percaya bahawa ia merupakan khazanah yang mesti mempunyai hikmah. Oleh itu, kerjasama pemelihara manora dalam masyarakat diperlukan untuk mengekalkan budaya ini agar dikekalkan berterusan dan dapat diwariskan kepada generasi akan datang. Kajian ini memberi sumbangan penting dalam pemeliharaan warisan. beberapa aspek boleh diterokai termasuk kajian adaptasi ritual Manora dalam konteks moden, impak teknologi terhadap pengamalannya, serta kajian perbandingan ritual antara kawasan berbeza di Thailand Selatan dan Malaysia, di mana ia bukan sahaja menyediakan pemahaman antropologi mendalam tentang hubungan antara ritual, kepercayaan dan identiti budaya manora bukan sahaja berperanan dalam hiburan malah telah diusahakan agar berkekalan sebagai ritual kepercayaan dalam kehidupan masyarakat orang selatan terutamanya masyarakat di lembangan Tasik Songkhla.

Penghargaan

Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia Sahidin Nitiphak atas dorongan dan tunjuk ajar kepada pengkaji serta pihak Faculty of Liberal Arts, Princess of Naradhiwas University atas sokongan dan sumbangan tenaga sehingga kajian ini dapat diselesaikan.

Rujukan

- Anuwat, J. (2023). The Ritual Dance 'Nora Rong Kru'. *Journal of Fine Art Research and Applied Arts*, 10(1), 68-89. Retrieved from <https://so05.tci-thaijo.org/index.php/arts/article/view/266481/178895>
- Chaowalitprapan, P. (2015). Persistence of Nora Rong Khru Ritual: Its Characteristics and Roles in the Context of Ban Plairamai, Kedah, Malaysia. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 7(2), 161-192. Retrieved from <https://e-journal.sru.ac.th/index.php/jhsc/article/view/309>
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. London: Sage Publications.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (Eds.). (1994). *Handbook of qualitative research*. Sage Publications, Inc.
- Inyarat, J. & Ponphichai, W. (2021). Study of Beliefs, Rite, and Inherited form of Khromnora and Nora-Rong Khru in Prig Subdistrict, Thung Yai District, Nakhon Sri Thammarat Province. *Journal of Southern Technology*, 14 (2), 118-12, Retrieved from https://so04.tci-thaijo.org/index.php/journal_sct/article/view/247437
- Kosaiyakanont, N. & Soontorntanaphol, N. (2016). *Nora Rong Kru in the Current Changes: A Case Study of Prasong Kamponsilp Group*. The 7th National and International Hat Yai Academic Conference. (pp.998-1008). Srinakharinwirot University.
- Kruglikova, G. A. (2020). Use of Information Technologies in Preservation and Popularization of Cultural Heritage. In *International Scientific Conference Digitalization of Education: History, Trends and Prospects (DETP 2020)*. (pp. 446-449). Atlantis Press SARL.



<https://doi.org/10.2991/assehr.k.200509.081>

- Marknuan, P. (2014). Magic and Ritual of Folk Healers: Analysis and Folkloristic Approaches. *Humanities Journal*, 21(1), 91-123. Retrieved from <https://so04.tci-thaijo.org/index.php/abc/article/view/53171/44173>
- Mat Hassan, N. B., & Mohd Yusoff, M. Y. (2018, March 30). Elemen Cina Peranakan Dalam Tarian Manora Di Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1). Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/70>
- Muhammad, S. B., dan Isa, M. A. B.. (2016). Unsur-Unsur Pemujaan Di Dalam Persembahan Menora Di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 4(2), 51–62. <https://doi.org/10.47252/teniat.v4i2.343>.
- Nikhonrat, T. & Thongkum, W. (2021). Contemporary Thai Southern Dance (Manora Dancing): A story of Nakha. *Asian Journal of Arts and Culture*, 21(1), 17-25. <https://doi.org/10.48048/ajac.2021.247512>
- Pattaraporn, P. (2021). A study of beliefs and rituals of Nora Rong Khru in Songkhla Lake Basin area (Master's thesis). Thammasat University. https://ethesisarchive.library.tu.ac.th/thesis/2021/TU_2021_6023110130_8337_21956.pdf
- Pawarisilp. (2023). *History of Manora*. Retrieved from <https://www.pawarisilp.com/ประวัติมโนราห์/>
- Puangsang, M. (2018). The Preservation and the Existence of Nora Rongkru Wat Tha Khae Tombon Tha Khae, Amphoe Mueang, Phatthalung. *RMUTP Research Journal Humanities and Social Sciences*, 4(1), 1-16, Retrieved from <https://so05.tci-thaijo.org/index.php/rmutphuso/article/view/142396>
- Wongsiri R. (2020). “Manora” On The Base Management Of Collective Culture: Nora Teim Muang Trang. *Journal of Social Science and Cultural*, 4(2), 12-27.

